

ASAS HUKUM DALAM BUDAYA : KAJIAN TERHADAP
BEBERAPA ASPEK HUBUNGAN SOSIAL DALAM
KEBUDAYAAN MALAYSIA

MOHD ANUAR RAMLI

JABATAN FIQH DAN USUL
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2003



**ASAS HUKUM DALAM BUDAYA : KAJIAN TERHADAP
BEBERAPA ASPEK HUBUNGAN SOSIAL DALAM
KEBUDAYAAN MALAYSIA**

MOHD ANUAR RAMLI

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2003

ABSTRAK

Kajian ini menfokuskan asas penetapan hukum berlandaskan budaya Malaysia khususnya budaya Melayu dalam aspek hubungan sosial. Untuk mencapai objektif tersebut, tiga metode berbeza telah digunapakai. Pertama, metode komparatif diaplikasi untuk menganalisis konsep budaya berasaskan teori sarjana Barat dan Islam. Begitu juga huraian mengenai 'urf dan adat dalam pemikiran Melayu bagi melihat hubungannya dengan budaya sebagai asas pembentukan hukum. Kedua, metode pensejarahan diaplikasi untuk menyusun secara kritis rentetan perkembangan budaya Malaysia yang berpaksikan budaya Melayu. Perkembangan budaya Melayu memperlihatkan proses interaksi dengan pelbagai budaya asing. Bermula dengan pengaruh Hindu-Buddha, Islam dan kedatangan penjajah Barat. Kesan utamanya, lahir sebuah masyarakat majmuk yang mentransformasikan paksi kuasa mono-etnik Melayu kepada perkongsian kuasa multi-etnik. Masyarakat Malaysia yang heterogen ini masih berada pada tahap integrasi yang rendah kesan pengkhususan pekerjaan, pengasingan tempat tinggal, pemisahan proses sosialisasi serta pemencilan budaya. Manakala metode ketiga, iaitu sosiologi hukum diaplikasi untuk menelusuri fenomena dan menganalisis fakta-fakta yang berkembang dalam masyarakat sebagai asas pembinaan hukum berlatarkan realiti dan mentaliti tempatan. Contohnya, kepimpinan wanita, amalan harta sepencarian dan rumah terbuka. Hasil kajian ini mendapati, kesan interaksi masyarakat Malaysia menghasilkan pola budaya yang unik dan membezakannya dari masyarakat lain. Elemen ini dapat dijadikan asas dalam pengambilkiraan hukum. Justeru, kajian ini ingin membuktikan bahawa amalan masyarakat setempat boleh menjadi asas hukum yang diterima pakai bagi masalah hukum yang tiada *nass* yang jelas selagimana tidak bercanggah dengan syariah Islam.

ABSTRACT

The focuses of this study are the basis of the establishment of Islamic law (*al-hukm*) based on the Malaysian culture, particularly in the Malay social relationship. To achieve the objective, this study tries to apply three different methods. Firstly, comparative method applies in analyzing the concept of culture and its relationship with '*urf*' and custom. Culture is elaborate based on the theories by western and Muslim scholars. The study also tries to illustrate the relationship between '*urf*' and custom with culture which contribute to the formation of the Islamic law (*al-hukm*). Secondly, the historical method that is applied to sequence the chronological development of Malaysian culture, based on Malay culture. The development of Malay culture demonstrates an interacting process with a diverse foreign culture influence. It begins with the influence of the Hindu-Buddhist, Islam and the west, which led to form a new plural society that transforms the Malay mono-ethnic authority to a multi-ethnic sharing power in the development of the modern Malaysian community. This heterogeneous community is still characterized by a low integration state as a result of the specialization of work, residential segregation, separation of socialization process and the isolation of culture. Thirdly, the method of sociological of law (*al-hukm*) is applied in order to go through the phenomena and analyze the facts that are growing in the community as the basis of the establishment of the Islamic law (*al-hukm*). In this case, three different perspectives have been chosen, i.e. the women leadership, jointly acquired property and the practice of mutual commemorate of the religious festival (*sambutan rumah terbuka*). The findings of the study show that the effect of this interaction in Malaysian community produces a unique cultural configuration and distinguish it from other communities. Therefore, coupled with the supremacy of the concept of '*urf*' as advocated by modern jurists, such unique cultural element can be a useful basis in developing an Islamic law (*al-hukm*). Hence, this study wants to prove that local community practices can become a basis for an Islamic law (*al-hukm*) that have no clear text (*naşş*), as long as it is not contradict with the Syariah.

هذا البحث يركّز على الأسس في إثبات الأحكام المؤسسة على الثقافة الماليزية وعلى الأخص الملايوية منها في العلاقات الاجتماعية. وفي سبيل الحصول على الأهداف المخطوطة، يُستعمل هذا البحث بعض المناهج. أولاًها، منهج المقارنة حيث يستعمل في تحليل مفهوم الثقافة مستنداً على النظريات الغربية والإسلامية. وكذلك لتوضيح العرف والعادات في الفكر الملايوي لغرض تحديد العلاقات بينها. وثانيها، المنهج التاريخي حيث يستعمل في ترتيب تطور الثقافة الماليزية المنبثقة من الثقافة الملايوية. إن نشأة الثقافة الملايوية تظهر عملية اتصالها بالثقافات الأجنبية المتنوعة حيث تبدأ بتأثير الثقافة الهندية البوذية ثم الإسلام ثم الاستعمار الغربي. والنتيجة الرئيسية لهذه الاتصالات هي ظهور مجتمع مختلط جديد الذي يحول السلطة من الملايوي الوحيد إلى السلطة المشترك بين الأجناس المتعددة. وهذا المجتمع المتعددة الأجناس ما زال في مستوى الأدنى من الاندماج إثر للتخصصات في العمل والتفرقة في السكنية والافتراق في عملية الاجتماعية مع الانعزال الثقافي. وثالثها منهج اجتماعية الأحكام حيث يستعمل في تتبع مظاهر المجتمع وتحليل المعلومات المتطورة في المجتمع كأساس لبناء الأحكام مستندة على وقائع وعقليات محلية. وعلى سبيل المثال قضية قيادة المرأة وأموال المشتركة في الأسرة ودعوة العامة في الأعياد. ومن نتائج هذا البحث هي أن التفاعل الاجتماعي في ماليزيا له أثر في تحصيل صورة ثقافية فريدة في نوعها وهي التي تميز هذا المجتمع من المجتمعات الأخرى. وهذا العنصر نستطيع أن نجعله كأساس في تحديد الأحكام الشرعية. ولذلك، فإن هذا البحث يؤكد بأن العرف المحلي للمجتمع صالح بأن يكون أساساً للأحكام الغير المنصوصة طالما أنها لم يتعارض مع الشريعة الإسلامية.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. yang telah mengurniakan ‘ināyahNya sehingga pengkaji dapat menyiapkan kajian ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., kaum keluarga Baginda serta para sahabat yang ṣālihin.

Terlebih dahulu pengkaji merakamkan setinggi penghargaan kepada Prof. Dato Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, selaku penyelia yang membimbing dan memberi tunjuk ajar dengan idea-idea yang kritis dan mencabar sepanjang kajian ini dilakukan. Begitu juga sekalung apresiasi buat Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim yang mengindoktrinasikan “budaya ilmu”, Prof. Madya Dr. Idris Awang, Prof. Madya Datin Dr. Paizah, Prof. Madya Dr. Karim, Dr. Naemah, Dr. Shamsiah, Dr. Anisah dan kakitangan akademik lain yang berorientasikan ilmu mendidik anak bangsa menjadi seorang “manusia” bukannya pekerja industri. Penghargaan juga ditujukan kepada kakitangan pentadbiran APIUM, terutamanya bahagian Jabatan Fiqh dan Usul, bahagian Ijazah Tinggi, bahagian Perpustakaan Utama UM, PPZ, IPS dan APIUM.

Begitu juga penghargaan yang infiniti dan eterniti buat ayahanda Hj. Ramli Ismail, bonda Hj. Sofiah Ariffin yang banyak berkorban demi anaknya, Kak Mah dan Kak Norma yang memahami hasrat adiknya, Kak Kiah, Kak Yah, Kak Y, Kak Di, Abang Not, Abang Mat, Adik Fuad serta seluruh keluarga dan kerabat tercinta. Segala jasa, pengorbanan dan bantuan yang dihulur akan dikenang selagi hayat dikandung badan.

Akhir sekali, kepada insan istimewa Farhana berserta keluarga yang disayangi, Pak cik Zin sekeluarga, Bro. Azam, sahabat seperjuangan yang disegani Zunaidi, Shahrom, Fadlee, Hanif, Tarmizi, Aleh, Zuki, Pok Nik, Yuk, Comi, Johan, Fairuz, Ijan, Ana, Azah, Syam, Ajis, Duan, Wafir, Jai, Adli, Hashim fotokopi dan lain-lain, dan adik-adik yang dikasihi Mat Yi, Najem, Mahat, Ridzuan, Redzuan, Zilali, Yuslan, Husaini, Asri, MiG, Pok Lah, Eja, Nazri, Azamain, Faizi, Syahir, Azizan, Fathi, Faiz, Fadli, Fendi, Jemi, Anih, Mat Mē, Mawi, Iser, Gg, Wann, Syamsul dan lain-lain. Moga “budaya ilmu” menjadi teras kehidupan kalian. *JazakumulLāh khayr al-jazā’*.

DEDIKASI

Ayahanda Hj. Ramli Ismail

Didikan dan ajaranmu akan ku teladani

Bonda Hj. Sofia Ariffin

Kasih sayang dan pengorbananmu akan ku sanjungi

Kekanda Sharimah & Norma

Pengertian dan sumbangan kalian akan ku kenangi

Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj Ab. Majid

Ketokohanmu akan ku jejak

Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim

Pembudayaan ilmunu akan ku contoh

Adinda Farhana Abdul Kfir

Nur kasihmu akan sentiasa mengiringi perjuanganku

DAFTAR ISI

KANDUNGAN	HALAMAN
-----------	---------

PRELIMINARI

Abstrak	iii
Abstract	iv
ملخص	v
Penghargaan	vi
Dedikasi	vii
Daftar Isi	viii
Glosari	xii
Senarai Kependekan	xv
Senarai Rajah	xvi
Senarai Jadual	xvii
Senarai Lampiran	xviii
Panduan Transliterasi	xix

BAHAGIAN PENDAHULUAN

I.	Pengenalan	xxi
II.	Latar Belakang Masalah Kajian	xxii
III.	Hipotesis Kajian	xxv
IV.	Objektif Kajian	xxvi
V.	Skop Kajian	xxvii
VI.	Kajian-kajian Lepas	xxviii

BAB PERTAMA

**KEBUDAYAAN : KONSEP DAN HUBUNGANNYA DENGAN
'URF DAN ADAT**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Konsep Kebudayaan : Satu Huraian	3
1.2.1	Definisi Literal	4
1.2.2	Definisi Istilah	6
1.2.3	Analisis Komparatif	17
1.3	Konsep ' <i>Urf</i> dan Adat	23
1.3.1	Definisi ' <i>Urf</i> dan Adat	24
1.3.2	Syarat-Syarat Pengambilkiraan ' <i>Urf</i> dan Adat	30
1.3.3	Maxim-Maxim ' <i>Urf</i> dan Adat Sebagai Asas Penetapan Hukum	31
1.3.4	Relevansi ' <i>Urf</i> Tempatan Sebagai Asas Penetapan Hukum	35
1.3.5	Teori dan Tahap Interaksi Antara Adat Dengan Syariah	43
1.4	Hubungan Antara Budaya Dengan ' <i>Urf</i> dan Adat	53
1.5	Sikap Islam Terhadap Kebudayaan	58
1.6	Kesimpulan	68

BAB KEDUA

KEBUDAYAAN MALAYSIA : LATAR BELAKANG DAN PRINSIP DALAM HUBUNGAN SOSIAL

2.1	Pengenalan	69
2.2	Latar Belakang Kebudayaan Malaysia	71
2.2.1	Kebudayaan Melayu Asli	72
2.2.2	Interaksi Dengan Budaya Estetika Hindu Buddha	77
2.2.3	Pembentukan Masyarakat Islam	80
2.2.4	Pencerobohan Kuasa Imperialis Barat	87
2.2.5	Pembentukan Masyarakat Majmuk	91
2.3	Realiti Hubungan Sosial Dalam Masyarakat Malaysia	101
2.3.1	Konflik Antara Kaum	103
2.3.2	Tahap dan Proses Integrasi Antara Etnik di Malaysia	109
2.3.3	Analisis Dasar Kebudayaan Kebangsaan	114
2.4	Prinsip Hubungan Sosial Dalam Masyarakat Malaysia	121
2.4.1	Kedudukan Bukan Islam di Malaysia	121
2.4.2	Prinsip Hubungan Sosial Dengan Golongan Bukan Islam	127
2.5	Kesimpulan	131

BAB KETIGA

ASAS HUKUM DALAM BEBERAPA ASPEK HUBUNGAN SOSIAL

3.1	Pengenalan	133
3.2	Asas Hukum Dalam Aspek Hubungan Sosial	135

3.2.1	Hubungan Sosial Dalam Perspektif Politik	
	- Kepimpinan Wanita	135
3.2.2	Hubungan Sosial Dalam Perspektif Kehartaan	
	- Harta Sepencarian	153
3.2.3	Hubungan Sosial Dalam Perspektif Keagamaan	
	- Rumah Terbuka	167
3.3	Kesimpulan	182

BAB KEEMPAT

PENUTUP

4.1	Pengenalan	184
4.2	Dapatan Kajian	185
4.3	Rumusan	189

BIBLIOGRAFI

Buku

Buku Berbahasa Melayu	195
Buku Berbahasa Inggeris	216
Buku Berbahasa Arab	233

Jurnal	236
--------	-----

Disertasi Dan Tesis	237
---------------------	-----

Seminar Dan Persidangan	239
-------------------------	-----

Akhbar	241
--------	-----

Laman Web	241
-----------	-----

LAMPIRAN

GLOSARI

Adat

Adat merupakan suatu bentuk tingkah laku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan dalam masyarakat. Adat merupakan '*urf*'.

Agama budaya

Agama hasil masyarakat, ciri-ciri agama budaya, i. Tidak disampaikan oleh Nabi atau Rasul, ii. Tidak memiliki kitab suci yang diwarisi oleh Nabi, iii. Sistem merasa dan berfikir agama inheren dengan sistem merasa dan berfikir dari tiap segi kehidupan masyarakat, dan iv. Berubah dengan perubahan akal masyarakat yang menganutnya. Lawan kepada agama Samāwī.

Akal

Akal *intellectus* merujuk kepada alat merenung hakikat rohaniah manakala akal *ratio* adalah alat memahami serta menguasai alam zahir.

Alamiah

Interaksi manusia dengan alam untuk memenuhi keperluan sehariannya dengan mesra dan penuh hormat tanpa melakukan kerosakan yang besar.

Androcentric atau phalocentric

Kajian berpusat pada kepentingan lelaki.

Bilateral

Masyarakat yang tidak mengamalkan sama ada sistem keturunan patrilineal, matrilineal atau ambilineal. Ia merujuk kepada saudara mara kedua-dua belah pihak ibu dan bapa sama penting.

Budi

Suatu ruang luas yang menyatakan unsur-unsur kebaikan dan kehalusan mengikut nilai-nilai yang dipupuk.

Epistemologi

Cabang falsafah iaitu teori asal-usul dan sumber ilmu.

Etnosentrisme

Konsep ini diperkenalkan oleh Sumner dalam buku *Folkways* (1906M). Ia bermaksud pandangan atau penilaian bahawa sesuatu kelompok itu merupakan pusat segalanya dan menjadi titik rujukan kepada pandangan dan idea orang lain.

Faqīh (*jam'nya fuqahā'*)

Orang yang memahami agama secara mendalam.

Heterogen

Berasal dari perkataan Inggeris *heterogenous* yang bererti beranekaragam, berbeza-beza. Biasanya digunakan untuk menyatakan sesuatu yang terdiri dari berbagai unsur yang mempunyai sifat dan karakter yang berbeza antara satu sama lain. Lawan perkataan *homogen*.

Historical materialism

Pensejarahan berbentuk material.

Inklusif

Suatu keadaan atau sikap yang memandang kelompok lain sebahagian atau termasuk dari keadaan tersebut. Selain itu digunakan juga untuk menyatakan bahawa sesuatu yang dimiliki seseorang boleh jadi juga terdapat pada orang lain. Lawan kepada eksklusif.

Integrasi

Proses penyatuan pelbagai kelompok yang berbeza latar belakang menjadi satu entiti yang terikat dengan norma dan nilai sedangkan perpaduan merujuk kepada penyatuan berbagai pihak menjadi satu entiti berbentuk fizikal.

Kontrak sosial

Watak asas keadilan sosial untuk negara yang dipersetujui ketika negara dibentuk.

Local genius

Golongan cerdik pandai tempatan. Istilah ini diperkenalkan oleh H.G. Quaritch Wales (1974), *The Making of Greater India*.

Masyarakat majmuk (*plural society*)

Terdapat beberapa masyarakat yang tinggal sebelah menyebelah di dalam satu unit politik yang sama tetapi dalam beberapa hal, hidup mereka terpisah. Setiap masyarakat mempunyai kepercayaan agama, kebudayaan, bahasa, idea dan cara hidup yang tersendiri. Diperkenalkan oleh J.S. Furnivall.

Matrilineal

Menghubungkan keturunan dengan saudara mara sebelah ibu sahaja. Lawan kepada patrilineal.

Maxim

Pepatah yang menyatakan kebenaran atau peraturan tingkah laku.

Mesra budaya

Pendekatan mesra budaya merujuk kepada proses interaksi positif antara syariah Islam dan cara hidup tempatan. Antaranya, proses selektif, pengukuhan dan introduksi.

Misoginis

Merujuk kepada seorang yang tidak suka kepada perempuan atau anti-wanita.

Nation-state

Negara-bangsa yang berasaskan persempadanan politik dan geografi di mana seorang individu dikenali melalui kewarganegaraan bukan agama atau bangsa.

Nilai

Satu prinsip tingkah laku yang diterima dan diamalkan oleh sesuatu kelompok atau masyarakat. Nilai juga memberi satu ukuran standard untuk menilai sesuatu tindakan yang akan diambil sama ada betul atau salah, adil atau tidak dan sebagainya.

Patriaki

Sistem ini merujuk kepada dominasi kaum lelaki dalam keluarga yang menuntut hierarki ataupun hubungan kuasa yang mana kepentingan kaum perempuan subordinat kepada kepentingan kaum lelaki. Lawan kepada matriaki.

Sosiologi hukum

Satu bidang kajian baru dalam disiplin ilmu hukum Islam yang mengkaji gejala serta fenomena masyarakat sebagai asas pembinaan hukum.

Wagas

Wawasan dan gagasan. Istilah ini diperkenalkan oleh Prof. Mohamad Abu Bakar.

Weltanschauung

Pandangan alam; world-view.

SENARAI KEPENDEKAN

&	dan
a.s.	'alayhi al-salām
ed.	editor (penyunting)
eds.	editors (penyunting-penyunting)
et.al.	(Latin : et alii/alii) dan lain-lain yang melebihi dua
H	Hijrah
h.	halaman
hh.	halaman-halaman
Ibid.	(Latin : Ibidem) pada tempat, buku atau halaman yang sama
j.	jilid
juz.	juzuk
M	Masihi
Op.cit.	(Latin : Opera citato) dalam karya yang sudah dipetik
r.a.	raḍiyalLāh 'anhu
r.ah.	raḍiyalLāh 'anhum
s.a.w.	ṣallalLāhu 'alayhi wasallam
s.w.t.	subḥānahu wa ta'ālā
t.p.	tanpa penerbit
t.t.	tanpa tarikh
t.t.p.	tanpa tempat penerbitan
terj.	terjemahan
v.	volum

SENARAI RAJAH

Rajah 1.2.3 (a) : Proses Selari : Budaya berasaskan pandangan sarjana Barat.

Rajah 1.2.3 (b) : Proses Kompleks : Budaya berasaskan pandangan sarjana Islam.

Rajah 1.5 : Hubungan timbal balik antara budaya dengan hukum.

Rajah 2.2 : Pendekatan *world system* dalam hubungan sosial.

Rajah 2.3.1 : Teori konflik OPS.

Rajah 2.3.2 : Tahap integrasi bangsa Malaysia.

Rajah 2.3.3 : Model integrasi Ali Mazrui.

Rajah 2.3.4 : Model integrasi berasaskan konsensus nilai.

Rajah 3.2.3 : Perbezaan di antara agama Samāwī⁷ dengan agama budaya.

SENARAI JADUAL

Jadual 2.2.5 : Kepelbagaian etnik masyarakat Malaysia.

Jadual 2.3.3 : Perbezaan nilai-nilai Asia dan Amerika Syarikat (Barat).

Jadual 3.2.1(a) : Perbezaan karakter di antara ras Melayo-Polinesia dengan Arab Caucasian.

Jadual 3.2.1(b) : Teori Nature vs Teori Nurture.

Jadual 3.2.1(c) : Pertumbuhan sistem bilateral dalam masyarakat.

Jadual 3.2.2(a) : Pertumbuhan tenaga buruh mengikut jantina (1947-1991).

Jadual 3.2.2(b) : Peratus guna-tenaga wanita dan pekerjaan utama.

Jadual 3.2.2(c) : Perbezaan di antara Harta Sepencarian, harta syarikat, muamalah upah dan harta musyā`.

Jadual 3.2.3 : Pola hubungan antara orang Islam dengan bukan Islam.

Jadual 4.2 : Akal *intelektus* dan *ratio* dalam perkembangan masyarakat Melayu.

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN I : Indeks al-Qur'ān.

LAMPIRAN II : Indeks al-Ḥadīth.

LAMPIRAN III : Jadual banci 1931.

LAMPIRAN IV : Ucapan Pengisytiharan Malaysia Sebuah Negara Islam.

PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut :¹

i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	<i>alif</i>	a / '
ب	<i>bā'</i>	b
ت	<i>tā'</i>	t
ث	<i>thā'</i>	th
ج	<i>jīm</i>	j
ح	<i>hā'</i>	ḥ
خ	<i>khā'</i>	kh
د	<i>dāl</i>	d
ذ	<i>dhāl</i>	dh
ر	<i>rā'</i>	r
ز	<i>zay</i>	z
س	<i>sīn</i>	s
ش	<i>syīn</i>	sy
ص	<i>ṣād</i>	ṣ
ض	<i>ḍād</i>	ḍ
ط	<i>ṭā'</i>	ṭ
ظ	<i>ẓā'</i>	ẓ
ع	<i>'ayn</i>	'
غ	<i>ghayn</i>	gh

¹ Lihat Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu (1992), *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka ; *Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. (2001), Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

ف	<i>fā'</i>	f
ق	<i>qāf</i>	q
ك	<i>kāf</i>	k
ل	<i>lām</i>	l
م	<i>mīm</i>	m
ن	<i>nūn</i>	n
و	<i>waw</i>	w
ه	<i>hā'</i>	h
ي	<i>yā'</i>	y
ة	<i>iā' marbūṭah</i>	h

ii. Huruf vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(fatḥah) <u>ـَ</u>	a
	(ḍammah) <u>ـُ</u>	u
	(kasrah) <u>ـِ</u>	i
Panjang	آ	ā
	أُو	ū
	إِي	ī
Diftong	أَو	aw
	أَي	ay
	يَـ	iy/ị
	وِ	uww

BAHAGIAN PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

I. PENGENALAN

Dalam pengajian hukum Islam, terdapat dua bentuk sumber yang kontradik. Bentuk pertama merupakan wahyu Ilahi yang sentiasa tetap dan abadi, sedangkan yang kedua realiti sosial yang sentiasa berubah dan berbeza antara satu budaya dengan budaya yang lain. Pendek kata, wahyu bersifat absolut manakala realiti sosial bersifat dinamis dan relatif.²

Sejarah pembinaan hukum Islam mencatatkan bagaimana sarjana hukum Islam (*uṣūlī*) berusaha memandu kedua hakikat tersebut berlandaskan instrumen akal sebagai unsur kemanusiaan. Dalam proses menginterpretasikan unsur ketuhanan (wahyu), realiti sosial yang menjadi medan implementasi hukum diambilkira. Sejajar dengan itu, lahir pelbagai aliran hukum kesan kedinamisan dan kerelatifan cara hidup masyarakat.

Namun begitu, masyarakat Malaysia yang masih dikuasai golongan pembicara hukum tradisional konservatif seringkali menghubungkan setiap hukum yang timbul dengan kawasan dan iklim Timur Tengah tanpa mengambilkira realiti sosial dalam masyarakat setempat. Seringkali berlaku ketidaksesuaian dalam hukum yang diputuskan. Sebagai contoh, masalah Harta Sepencarian. Adanya golongan pemutus hukum yang menegaskan ia sebagai harta syarikat sedangkan ia entiti hukum yang bersandarkan kepada adat masyarakat Melayu.

² Pengambilkiraan realiti sosial bukan bererti *tabīr al-wāqī* (menghalalkan segala realiti yang ada) sebaliknya bagi menjamin kepentingan masyarakat.

Justeru, kajian ini akan menerokai budaya tempatan dalam pembinaan hukum Islam yang berlatarkan realiti tempatan dan mentaliti setempat khususnya dalam budaya Melayu dan budaya Malaysia umumnya bagi merealisasikan gagasan “*Fiqh Malaysia*”.

II. LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Syariah Islam bersifat progresif seiring dengan kedinamisan budaya masyarakat setempat. Dalam proses pembinaan hukum, pelbagai metodologi diaplikasi dalam menjana permasalahan yang tiada *naşş* yang jelas. Hukum sebagai aspirasi masyarakat mempunyai hubungan timbal balik dengan budaya. Proses timbal balik ini dapat dilihat dalam pembudayaan hukum dan penghukuman budaya. Pembudayaan hukum tercetus kesan implementasi *al-Qur’ān* dan *al-Sunnah* dalam kehidupan masyarakat. Begitu juga dengan penghukuman budaya yang mana budaya sesebuah masyarakat dapat dijadikan asas dalam pengambilkiraan dan penetapan sesuatu hukum.

Dalam memahami konsep budaya sebagai asas penetapan hukum, timbul kekeliruan sejauhmana batasan sesuatu budaya masyarakat yang boleh diambilkira akibat pelbagai huraian mengenai konseptual budaya. Berbagai takrifan telah dikemukakan oleh para pengkaji kesan perbezaan aliran dan disiplin kajian. Kerap kali istilah ini disalahertikan.³ Kebiasaannya, istilah kebudayaan digunapakai dalam konteks yang sempit terutamanya berkaitan dengan budaya ekspresif ataupun elemen kesenian.⁴ Selain itu, ia juga digunapakai dengan meluas dalam konteks yang longgar, misalnya budaya *couple*, budaya

³ Lihat Rahimin Affandi Abdul Rahim (2002), “Adat dan Kesenian Melayu : Satu Tafsiran dari Perspektif Islam” dalam (Kertas kerja Seminar Adat dan Kesenian Melayu Mengikut Perspektif Islam, anjuran Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA), Melaka), h. 1.

⁴ Sebagai contoh penggunaan istilah minggu kebudayaan. Kebudayaan sebagai satu konsep yang komprehensif tidak ditonjolkan sebaliknya unsur kesenian lebih dominan.

kekitaan dan seumpamanya. Pengertian istilah ini perlu diteliti dengan kritis dalam rangka membina *fiqh* yang berlatar belakang cara hidup tempatan atau *fiqh* budaya.

Kebudayaan saling keterkaitan (*coherence*) dan mempunyai hubungan rapat dengan 'urf dan adat yang mana boleh dijadikan landasan kepada penetapan hukum berasaskan nilai-nilai yang ada dalam sesuatu masyarakat, khususnya masyarakat Melayu. Pendekatan ini berasaskan pengambilkiraan latar belakang mentaliti dan realiti tempatan.

Pembentukan hukum berdasarkan metode dan sumber subsidiari ini telah diamalkan semenjak zaman kecemerlangan tamadun Islam lagi (abad 3H–6H).⁵ Hukum yang telah ditetapkan tersebut berlatarbelakang budaya Timur Tengah ataupun cara hidup masyarakat Arab-Caucasian yang bercorak padang pasir. Justeru, bagaimana dengan budaya Melayu Nusantara yang beridentitikan Melayo-Polinesia yang alamiah⁶ berlatarkan hutan hujan tropika? Selain suasana alam sekeliling yang berbeza, sejarah pertumbuhan budaya yang dialami oleh masyarakatnya juga berlainan. Semestinya perbezaan ini mempunyai impak hukum dan boleh dijadikan satu piawaian atau sumber penetapan sesuatu hukum yang tidak dinaskan dengan jelas.

Tambahan pula, masyarakat Melayu telah mengalami interaksi dengan tiga budaya besar seperti Hindu-Buddha, Islam dan Barat. Golongan cerdik pandai tempatan (*local genius*) memainkan peranan penting untuk memilih, menyaring dan menyesuaikan atau menghapuskan budaya yang mendatang selaras dengan sikap Islam yang “mesra budaya”.⁷ Prosedur ini bagi memastikan kelangsungan hidup (*survival*) masyarakat khususnya

⁵ Sebagai contoh pengambilkiraan *'amal ahl al-Madinah* oleh Imām Mālik r.a.

⁶ Alamiah bererti mesra alam di mana masyarakat berhubungan dengan alam secara harmoni dan dijadikan sebagai sumber ilmu dan rezeki tanpa melakukan kemusnahan yang serius.

⁷ Pendekatan mesra budaya merujuk kepada proses interaksi antara syariah Islam dan cara hidup tempatan. Di antaranya, proses selektif, pengukuhan dan introduksi. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk bahagian 1.5 Sikap Islam Terhadap Kebudayaan, hh. 58-62.

Melayu. Justeru, kebudayaan Melayu bervariasi dan kaya dengan pelbagai asas jatidiri, malah epistemologi Melayu itu sendiri.⁸

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah membawa banyak perubahan ke atas cara hidup masyarakat setempat. Hubungan budaya yang berlaku ini menyebabkan masyarakat Melayu mengalami perubahan sama ada dimensi internal mahupun eksternal. Namun begitu, kedatangan imperialis Barat telah merosakkan cara dan sistem hidup masyarakat Melayu dengan pelbagai fahaman terutamanya sekularisme melalui proses deislamisasi. Begitu juga pengaruh negatif dalam perubahan demografi masyarakat. Masyarakat Melayu mono-etnik mengalami transformasi kepada masyarakat majmuk (*plural society*) kesan kerakusan ekonomi kapitalis penjajah.

Pembentukan bangsa Malaysia yang multi-etnik merupakan perjalanan yang bersimpang-siur dalam perhubungan sosial antara etnik. Ini didorong oleh tahap integrasi antara etnik yang membentuk bangsa Malaysia berada pada tahap paras bawah. Fenomena ini memerlukan satu mekanisme khusus dalam membentuk formula perpaduan dan integrasi yang kukuh melalui pemupukan nilai bersama. Perpaduan ini akan dapat menghasilkan satu pola kebudayaan yang positif dalam usaha pembinaan *fiqh* yang berlatarkan realiti dan mentaliti tempatan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menfokuskan kebudayaan bangsa Malaysia, khususnya budaya etnik Melayu sebagai unsur tempatan yang boleh dijadikan standard dan piawaian dalam mencari nilai sebagai asas mengeluarkan (*istinbāt*) hukum.

⁸ Asas ini dapat diterokai dalam hasil genre masyarakat Melayu sama ada berbentuk sastera lisan naratif seperti mitos (legenda tempatan dan legenda menjelajah), legenda, dan cerita rakyat (penglipurlara, cerita binatang, cerita jenaka, dan cerita pengalaman) ataupun sastera lisan bukan naratif seperti peribahasa (simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah/bidalan, kiasan, dan perbilangan), teka-teki dan puisi rakyat (pantun, dan mantera/jampi). Untuk maklumat lanjut mengenai epistemologi Melayu, lihat Hassan Ahmad (2003), *Metafora Melayu : Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Kajang, Selangor : Akademi Kajian Ketamadunan, h. 32.

III. HIPOTESIS KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah merumuskan beberapa hipotesis untuk dilihat dengan lebih teliti, di antaranya;

- a. Konsep budaya berbeza di antara pandangan sarjana Barat dan Islam. Pandangan Barat didasari oleh paradigma sekular, sedangkan budaya Islam hasil interaksi makhluk manusia dengan alam sekeliling. Medium interaksi ini berpaksikan keluhuran akal fikiran (unsur kemanusiaan) bersandarkan wahyu Ilahi (*al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*). Penggabungan dua elemen ini amat penting dalam menjana kebudayaan sesebuah masyarakat khususnya masyarakat Islam.
- b. '*Urf*' dan adat mempunyai hubungan yang rapat (*coherence*) dengan kebudayaan disebabkan ia sebahagian daripada elemen yang membentuk budaya. Hubungan ini dapat dilihat dalam pola-pola budaya yang lain seperti ekonomi, politik dan sebagainya.
- c. Budaya sesebuah masyarakat bersifat dinamis dan relatif. Masyarakat Melayu yang mengalami hubungan budaya (*cultural contact*) dengan pelbagai budaya asing yang lebih dominan mempunyai beberapa nilai yang boleh menjadi sandaran '*urf*' dan adat sebagai asas pembentukan hukum Islam. Nilai-nilai ini berasaskan *world-view* dan *weltanschauung* masyarakat tempatan.
- d. Tahap integrasi antara etnik yang membentuk bangsa Malaysia adalah lemah. Kelemahan ini berdasarkan kegagalan beberapa dasar kerajaan dalam membentuk bangsa Malaysia, khususnya Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Setiap etnik ingin mengekalkan identiti budaya masing-masing. Secara tidak langsung, ia memberi kesan dalam pembinaan *fiqh* tempatan.

IV. OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis asas-asas hukum dalam budaya masyarakat Malaysia dengan melihat beberapa aspek hubungan sosial sebagai asas pembinaan sistem *fiqh* yang berlatarkan realiti dan mentaliti tempatan. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk :

- a. Menjelaskan kekeliruan berhubung dengan konsep kebudayaan yang sering disalahertikan dalam konteks yang sempit dan tidak tepat. Penggunaan istilah budaya berbeza kesan aliran dan metodologi sarjana yang terbabit.
- b. Menghuraikan pengertian adat dalam pemikiran masyarakat Melayu dan hubungan antara budaya dengan '*urf*' dan adat sama ada dalam bentuk persamaan mahupun perbezaan yang terdapat pada kedua konsep tersebut sebagai asas pembentukan metodologi hukum.
- c. Menyoroti kesan interaksi tamadun-tamadun besar terhadap kebudayaan Melayu sebagai paksi kebudayaan kebangsaan di mana dapat menghasilkan asas jati diri masyarakat Malaysia yang unggul dan dapat dijadikan sebagai sandaran dalam penetapan hukum Islam.
- d. Menelusuri sejarah perkembangan masyarakat majmuk dalam arus transformasi masyarakat mono-etnik Melayu kepada bangsa Malaysia multi-etnik. Status bangsa yang multi-etnik memberi kesan terhadap penginterpretasian sumber hukum. Perbezaan sosial dan budaya antara suatu masyarakat perlu diambilkira dalam pembinaan hukum. Ia mencerminkan keragaman konteks geografi dan juga perbezaan-perbezaan yang berhubungkait dengan interpretasi atau penilaian manusia.

- e. Meneliti tahap integrasi antara etnik dalam rangka membentuk kebudayaan kebangsaan di Malaysia melalui polisi kerajaan terutamanya Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Ia merupakan landasan kepada pengambilkiraan dan pembinaan hukum berlatarkan realiti dan mentaliti tempatan.

V. SKOP KAJIAN

Pengkaji membataskan kajian ini kepada beberapa persoalan. Di antara pembatasan tersebut adalah;

- a. Menjelaskan dan membuat perbandingan konsep budaya berasaskan pengertian literal dan pandangan teoretikal antropologi budaya pengkaji Barat tanpa menyisihkan pandangan sarjana Arab dan juga Melayu.
- b. Menghuraikan konsep adat dalam pemikiran orang Melayu untuk melihat hubungkaitnya dengan istilah budaya.
- c. Mengkaji latarbelakang pertumbuhan etnik Melayu, pembentukan masyarakat majmuk dan citra bangsa Malaysia.
- d. Meneliti tiga '*urf*' yang menjadi budaya masyarakat dalam aspek hubungan sosial dengan fokus terhadap;
 - i. '*urf*' klasik yang telah diabaikan dalam lipatan sejarah (kepimpinan wanita).
 - ii. '*urf*' yang telah dikodifikasikan dalam enakmen kekeluargaan Islam negeri (harta sepencarian).
 - iii. '*urf*' baru yang sedang dibudayakan dalam masyarakat Malaysia (rumah terbuka).

VI. KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Terdapat berbagai penulisan dalam disiplin sosiologi-antropologi yang membincangkan mengenai kebudayaan Melayu dan Malaysia semata-mata tanpa melibatkan persoalan hukum Islam.⁹ Begitu juga perbincangan mengenai persoalan metodologi hukum yang berkaitan 'urf dan adat dalam disiplin *uṣūl al-fiqh*.¹⁰ Justeru, kajian integratif ini akan membincangkan mengenai budaya Melayu sebagai pentakrif budaya bangsa Malaysia dalam proses pembinaan hukum berasaskan latarbelakang realiti dan mentaliti tempatan. Walaupun begitu, tedapat juga beberapa siri seminar dan penulisan ilmiah seperti berikut;

- a. Abdul Karim Ali & Raihanah Haji Azahari (eds.) (1999), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Buku ini merupakan koleksi kertas kerja Seminar Hukum Islam Semasa I Peringkat Kebangsaan 1997. Ia merupakan perintis kepada perbincangan hukum Islam semasa

⁹ S.Q. Fatimi (1963), *Islam Comes To Malaysia*. Singapore : Malaya Publishing House; Syed Mohamad Naquib al-Attas (1969), *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka; Syed Mohamad Naquib al-Attas (1990), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya : Angkatan Belia Islam Malaysia; Ismail Hamid (1985), *Peradaban Melayu dan Islam*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti; Ismail Hamid (1991), *Masyarakat dan Budaya Melayu* (cetakan kedua), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka; Mohd Taib Osman (1974), *Asas Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia; Mohd Taib Osman (1988), *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. (edisi kedua), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka; A. Aziz Deraman (1994), *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. (edisi kedua), Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Hashim Haji Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam : Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Alaf Ketiga*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, dan sebagainya sama ada dalam penulisan sarjana tempatan atau Barat.

¹⁰ Penulisan mengenai metodologi hukum banyak terdapat dalam karangan *uṣūl al-fiqh* sama ada karya klasik atau kontemporari. Sebagai contoh, Muḥammad Abū Zahrah (1958), *Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah : Dār al-Fikr al-'Arabī; Wahbah al-Zuhaylī (1998), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (cetakan kedua), Damsyik : Dār al-Fikr; Muṣṭafā Dīb al-Bughā (1999), *Aṭhar al-Adillah al-Mukhtalaf fīhā fī al-Fiqh al-Islāmī* (cetakan ketiga), Damsyik : Dār al-Qalam; Muḥammad Hashim Kamali (1998), *Principles of Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur : Ilmiah Publishers dan sebagainya.

dengan pengambilkiraan faktor setempat sebagai elemen pembinaan hukum. Penyusunannya dibahagikan kepada lima bahagian utama yang meliputi konsep, metodologi, realiti semasa, permasalahan dan penilaian semula hukum.

Dari segi konsep, gagasan Hukum Islam semasa diutarakan dengan baik dalam menghadapi cabaran dan perkembangan semasa. Ia selaras dengan karakteristik syariah Islam yang fleksibel serta sesuai dilaksanakan setiap masa, tempat dan zaman. Walaupun begitu, konsep hukum Islam semasa yang diutarakan masih bersifat idea awalan. Adakah kandungannya berupa perubahan hukum atau perbezaan hukum kesan kerelatifan budaya atau kedua-duanya? Rata-rata penulisan dalam bahagian penilaian semula hukum lebih menekankan persoalan perubahan hukum. Begitu juga dengan perbincangan metodologi. Ia boleh diterokai dengan pelbagai metode, seperti *maqāṣid al-syari'ah*, *siyāsah al-syari'ah*, *fiqh al-awlawiyyāt* dan sebagainya. Tiada satu metode holistik yang menjadi asas dan paksi kepada pembinaan hukum Islam semasa.

- b. Paizah Hj. Ismail & Ridzwan Ahmad (2000), ***Fiqh Malaysia : Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini***. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Buku ini merupakan koleksi kertas kerja Seminar Hukum Islam Semasa II Peringkat Kebangsaan 1999. Ia merupakan lanjutan daripada siri seminar Jabatan Fiqh dan Usul. Pada dasarnya, buku ini perincian kepada pembinaan hukum Islam semasa yang berlatarkan pendekatan semasa dan setempat di Malaysia. Ia dibahagikan kepada empat bahagian yang merangkumi konsep, teori, pendekatan dan permasalahan. Perbincangannya menjurus ke arah pembinaan *fiqh* tempatan atau *fiqh* Malaysia. *Fiqh* Malaysia merupakan satu gagasan besar yang berani dikemukakan kepada khayalak intelektual Malaysia, khususnya sarjana hukum. Gagasan ini

dikupas dengan baik dari segi konsep dan asas pembentukannya yang melibatkan *fiqh* klasik di dalam *fiqh al-jināyāt*, *fiqh al-aḥwāl al-syakhṣiyyah*, *fiqh al-mu‘āmalāt* dan *fiqh al-‘ibādāt*. Landasan teori yang menjadi asas kepada pembinaan *fiqh* tempatan dikemukakan kemas dengan rujukan *fiqh Hijāzi*, *fiqh Iraqi* dan seumpamanya. Walaupun begitu, lokaliti dan budaya Malaysia sebagai unsur tempatan kurang ditonjolkan di dalam perbincangan sebaliknya lebih menjurus kepada kupasan berasaskan realiti Timur Tengah, bahkan sumber rujukan didominasi penulisan dari Timur Tengah, sedangkan untuk memahami epistemologi yang mendasari *weltanschauung* masyarakat tempatan, para pengkaji perlu merujuk kepada sumber tempatan. Begitu juga dalam persoalan perubahan hukum ditonjolkan dalam perbincangan dengan penekanan aspek penilaian semasa, sedangkan perbezaan budaya yang menjadi asas perbezaan hukum diabaikan. Dengan itu, ia gagal mengintegrasikan kajian metodologi hukum dengan aplikasinya dalam realiti sosial Malaysia yang berbeza dengan masyarakat Timur Tengah.

- c. Seminar Hukum Islam Semasa III Peringkat Kebangsaan 2000 anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Seminar Hukum Islam Semasa ini merupakan program penerusan dari siri seminar yang lepas. Dalam seminar ini, kebanyakan penulis gagal menganalisis konseptual budaya dan hubungan timbal baliknya dengan hukum Islam. Perbincangan bersifat mendatar tanpa rujukan terhadap sumber pengajian tempatan khususnya budaya Melayu. Penulis dengan mudah menisbahkan kajian penulis luar dengan realiti sosial di Malaysia. Perbincangan gagal menjejaki realiti setempat. Justeru, penglibatan golongan budayawan tempatan dengan sarjana hukum diperlukan dalam memahami gagasan *fiqh* Malaysia kerana realitinya, sarjana hukum terlalu terikat dengan kerangka Timur Tengah, begitu juga dengan budayawan tempatan lebih gemar

membincangkan persoalan remeh-temeh dalam budaya Melayu dan menfokuskan unsur kesenian. Justeru, penglibatan dua pihak ini, dapat merungkai persoalan dasar yang menjadi kerangka dalam pembinaan gagasan *fiqh* tempatan.

Selain kajian-kajian tersebut, terdapat juga beberapa penulisan ilmiah yang menggunakan pendekatan sosiologi hukum yang mensintesiskan aplikasi nilai hukum dengan realiti dalam masyarakat. Sebagai contoh;

- a. Ismail Mat (1985), “Adat and Islam in Malaysia : A Study in Legal Conflict and Resolution”, (Tesis Ph.D., Temple University).
- b. Muhammad Firdaus (1999), “Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam”, (Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- c. M. Hasbi Umar (2003), “Pembaharuan Hukum Islam di Indonesia : Analisis Terhadap *‘Illat al-Hukm* Dalam Fatwa-fatwa Majelis Ulama Indonesia Provinsi Jambi”, (Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- d. Noor Naemah Abd Rahman (2003), “Fatwa-fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920-an-1990-an : Satu Analisis”, (Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- e. Othman Ishak (1981), *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.
- f. Mohammad Atho’ Mudzhar (1993), *Fatwa-fatwa Majelis Ulama Indonesia : Sebuah Studi Tentang Pemikiran Hukum Islam di Indonesia 1975-1988*. (edisi dwibahasa), Jakarta : Indonesian-Netherlands Cooperation in Islamic Studies (INIS).

Berasaskan kajian-kajian tersebut, pengkaji merumuskan bahawa untuk mengkaji budaya suatu masyarakat perlu merujuk kepada epistemologi masyarakat tersebut. Budaya suatu masyarakat tidak boleh dijadikan sandaran hukum kepada masyarakat lain. Begitu

juga persoalan perubahan hukum dan perbezaan hukum kesan kerelatifan dan kedinamisan budaya. Perbincangan mengenai *fiqh* tempatan perlu mengambilkira kedua-dua unsur tersebut, bukan sekadar perubahan hukum semata-mata. Justeru, kajian ini akan mengintegrasikan antara metodologi hukum Islam dan realiti sosial masyarakat Malaysia khususnya masyarakat Melayu dalam proses penetapan hukum.

VII. METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian perpustakaan (*library research*) ini, pengkaji menggunakan beberapa metode, iaitu;

a. Metode Pengumpulan Data

Dalam proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan metode dokumentasi. Metode dokumentasi bererti satu cara pengambilan data dengan cara meneliti dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Metode ini akan dapat digunakan dengan merujuk kepada buku-buku dan artikel-artikel. Pengkaji akan merujuk data-data dari sumber primer tanpa mengeneipikan data berbentuk sekunder.

i. Sumber-sumber primer

-Sastera lisan dan bertulis Melayu¹¹

- Sejarah Melayu¹² dan Hikayat Patani.¹³

- Kisah Pelayaran Abdullah.¹⁴

- Pepatah adat, tambo dan sebagainya.

-Karya orientalis¹⁵

- R.O Winstedt.¹⁶

- M.B. Hooker¹⁷ dan sebagainya.

-Karya sarjana tempatan

- Syed Naquib al-Attas.¹⁸

- Hamka¹⁹ dan sebagainya.

¹¹ Sumber ini walaupun digunakan dan penting untuk melihat paradigma ala-Melayu tetapi terdapat unsur dan elemen mitos dan feudalisme. Lihat Siti Hawa Salleh (1994), "Hikayat Merong Mahawangsa : Antara Mitos Dengan Realiti", dalam Mohd Affandi Hassan *et.al.*, *Kesusasteraan Melayu : Mitos dan Realiti*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 1-22; Muhammad Yusoff Hashim (1988), "Tradisi Persejarahan di Dalam Hikayat Siak atau Sejarah Raja-raja Melayu : Di antara Fakta dan Mitos" dalam J. Kathirithamby-Wells (ed.), *Jurnal Sejarah*. Kuala Lumpur : Jabatan Sejarah Universiti Malaya, no. 1, hh. 78-79; Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000), "Kebudayaan Melayu dan Islam di Nusantara : Suatu Analisa Perkaedahan", dalam (Kertas kerja Seminar Hukum Islam Semasa III Peringkat Kebangsaan anjuran Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h. 10.

¹² Muhammad Haji Salleh (ed.) (1997), *Sulalat al-Salatin Ya'ni Perteturan Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu Tun Seri Lanang)*. Kuala Lumpur : Yayasan Karyawan & Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹³ A. Teeuw & D.K. Wyatt (1970), *Hikayat Patani*. The Hague : Martinus Nijhoff.

¹⁴ Kassim Ahmad (ed.) (1981), *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan dan ke Judah*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.

¹⁵ Sumber ini walaupun penting terpaksa ditapis dengan teliti kesan pendekatan yang *bias* kepada kepentingan penjajah dan bersifat *eurocentrism*. Lihat Noraziz Selat (1996), "Kaedah Penyelidikan Adat Istiadat", dalam Zainal Abidin Borhan *et.al.* (eds.), *Adat Istiadat Melayu Melaka*. Melaka : Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, h. 15. Lihat juga A. Hasjmy (1980), "Sejarah yang Disusun Bangsa Asing Penjajah Menjadi Racun Bagi Kita", dalam (Kertas kerja Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangannya Islam di Aceh dan Nusantara, anjuran Majelis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh, Banda Aceh), h. 1-5.

¹⁶ R.O. Winstedt (1961), *The Malays : A Cultural History*. (edisi keenam), London : Routledge & Kegan Paul.

¹⁷ M.B. Hooker (1976), *Personal Laws of Malaysia*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.

¹⁸ Syed Naquib al-Attas (1970), *The Correct Date of the Trengganu Inscription*. Kuala Lumpur : Muzium Negara.

ii. Sumber-sumber sekunder

- Koleksi kertas kerja persidangan dan seminar.²⁰
- Seminar yang dibukukan.²¹
- Penulisan ilmiah, buku, disertasi²² dan tesis²³ dan sebagainya.

b. Metode Analisis Data

Setelah memperoleh data-data yang mencukupi dengan mengaplikasikan metode pengumpulan data, pengkaji akan menganalisis secara terarah maklumat tersebut dengan metode-metode berikut;

i. Metode perbandingan (komparatif)

Metode ini adalah satu cara membuat kesimpulan melalui perbandingan terhadap data, fakta dan pendapat yang diperolehi semasa melakukan kajian dan penelitian²⁴ daripada dua sumber yang berbeza dengan fokus pada tema tumpuan. Metode ini diaplikasi dalam perbandingan konseptual budaya antara pandangan

¹⁹ Hamka (1981), *Dari Perbendaharaan Lama*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

²⁰ Hashim Musa (2002), "Strategi Membangunkan Peradaban Malaysia : Perspektif Peradaban Islam-Melayu", dalam (Kertas kerja Seminar Nilai-nilai Peradaban dan Wawasan 2020 anjuran Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

²¹ Hashim Awang A.R. *et.al*, *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

²² Siti Shamsiah Md. Supi (2001), "Kedudukan Bukan Islam Dalam Perubahan Sosio-politik di Malaysia Menurut Teori Fiqh : Analisis Pelaksanaannya", (Disertasi M. A., Universiti Malaya Kuala Lumpur).

²³ Mohammad Redzuan Othman (1994), "The Middle Eastern Influence on the Development of Religious and Political Thought in Malay Society 1880-1940", (Tesis Ph.D., University of Edinburgh).

²⁴ Gerald S. Ferman & Jade Levin (1975), *Social Sciences Research*. Amerika Syarikat : John Wisley & Sons, h. 79.

sarjana Barat dan Islam. Begitu juga dalam memahami dasar perubahan dan perbezaan 'urf, pengkaji membuat perbandingan antara amalan masyarakat Melayo-Polinesia dengan Arab-Caucasian.

ii. Metode pensejarahan

Metode ini merujuk kepada kajian suatu masalah pada segi sejarahnya. Ia menumpukan pada proses gejala, peristiwa atau konsep yang lahir masa lalu.²⁵ Setiap peristiwa sosial mempunyai sejarah yang mendahuluinya melalui proses *evolutif* yang membentuk fasa-fasa perkembangannya.²⁶ Pendekatan ini diaplikasikan dengan merujuk catitan hasil sarjana Muslim dan bukan Muslim yang berautoriti dalam bidang berkaitan.²⁷ Satu perkara yang signifikan dalam menggunakan metode ini adalah untuk merekonstruksi fenomena masa lampau dengan sistematik lagi terarah dan untuk menjelaskan di samping mensintesis bukti-bukti untuk menegakkan dan menyimpulkan sesuatu fakta. Pengkaji akan menggunakan metode ini dalam menghuraikan latarbelakang pertumbuhan budaya Melayu yang berakhir dengan transformasi kepada sebuah masyarakat majmuk. Selain itu, metode ini juga diaplikasi dalam bab ketiga yang mana membincangkan latarbelakang pengamalan 'urf Harta Sepencarian dan kepemimpinan wanita.

²⁵ Sidi Gazalba (1981), *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara, h. 77.

²⁶ Lihat Kartini Kartono (1976), *Pengantar Metodologi Research Sosial*. Bandung : Penerbit Alumni, h. 271.

²⁷ Lihat Qasim Ahmad (2000), *Karya Sejarah : Pendekatan dan Persoalan*. (edisi kedua), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 96; lihat juga Muhammad Yusoff Hashim (1998), "Pensejarahan Melayu : Aspek dan Prospek di Malaysia", dalam Hashim Awang A.R. *et.al.*, *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, h. 216.

iii. Metode sosiologi hukum²⁸

Satu bidang kajian baru dalam disiplin ilmu hukum Islam²⁹ yang mengkaji gejala serta fenomena masyarakat sebagai asas pembinaan hukum.³⁰ Masyarakat dan perkembangan sosio-budaya tidak dapat dipisahkan dari persekitaran geografi. Keadaan ini melahirkan perbezaan dalam tingkah laku, aktiviti serta hubungan sosial. Dalam proses penetapan hukum, penelitian terhadap realiti sosial melalui mekanisme 'urf dan adat perlu diaplikasi kerana ia melibatkan kepentingan masyarakat setempat. Ia selaras dengan 'urf dan adat sebagai satu fenomena sosial serta fakta-fakta yang berkembang bersama pertumbuhan masyarakat. Kaedah ini bertujuan memastikan keseimbangan di antara idealisme yang terkandung dalam hukum Islam (*law in book*) dengan realiti perlaksanaannya di dalam masyarakat (*law in action*). Apa yang jelasnya, sebelum sesuatu adat kebiasaan Melayu itu boleh diterima pakai penggunaannya untuk tujuan penetapan hukum, sarjana hukum Islam (*uṣūlī*) dengan bantuan pengajian kebudayaan Melayu perlu memastikan sama ada adat yang menjadi amalan kebiasaan masyarakat Melayu tersebut tergolong di dalam adat yang baik (*ṣaḥīḥ*) ataupun rosak (*fāsid*).³¹ Justeru metode ini akan diaplikasikan dalam bab

²⁸ Pendekatan ini berbeza dengan disiplin sosiologi hukum Indonesia yang membincangkan sosiologi dari aspek undang-undang.

²⁹ Kata pengantar Prof. Dato Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid dalam Muhammad Firdaus Nurul Huda (2002), *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam*. Batu Caves : Thinker's Library, h. xv.

³⁰ Lihat metode dan bentuk kajian alternatif yang dikemukakan oleh M. Atho Mudzhar mengenai metode penelitian sosial dalam M. Atho Mudzhar (1998), *Pendekatan Studi Islam Dalam Teori dan Praktek*. Yogyakarta : Pustaka Pelajar, h. 68. Begitu juga dalam Amir Mu'alim Yusdani (1999), *Konfigurasi Hukum Islam*. Yogyakarta : UII Press, h. 122.

³¹ Rahimin Affandi Abdul Rahim (2002), "Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Yang Terkini : Satu Pengenalan" dalam *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, v. 10:1, h. 13.

ketiga untuk menganalisis gejala dalam masyarakat Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia amnya dalam proses pengambilkiraan dan pembinaan hukum.³²

Selain daripada tiga metode tersebut, pengkaji juga menggunakan metode analisis kandungan³³ dan metode *analysis art and folklore*.³⁴ Metode analisis kandungan diaplikasi untuk memahami realiti sosial masyarakat Melayu silam iaitu dalam hasil kesusasteraan Melayu klasik seperti *Hikayat Patani* dan *Sejarah Melayu*, contohnya untuk menganalisis kepimpinan wanita di Alam Melayu. Manakala metode *analysis art and folklore* digunakan untuk meneliti beberapa konseptual dalam teks-teks Melayu klasik kerana ia dapat digunakan untuk memahami nilai dan pandangan dunia Melayu hasil khazanah kebudayaan Melayu dari kaca mata Melayu (*Melayo-centrism*). Sebagai contoh ungkapan adat dalam pemikiran Melayu, pengkaji memilih teks *Sejarah Melayu* untuk mendapatkan pengertiannya.³⁵

Justeru, berasaskan metode-metode yang telah ditetapkan, pengkaji merumuskan dan merungkai permasalahan kajian, seterusnya mencapai objektif yang digariskan.

³² Lihat juga metode *interdisciplinary* sebagai metode penelitian hukum Islam dalam Mastuhu & M. Deden Ridwan (eds.) (1998), *Tradisi Baru Penelitian Agama Islam : Tinjauan Antardisiplin Ilmu*. Bandung : Pustajalit & Nuansa.

³³ Lihat Syed Arabi Idid (2002), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. (cetakan keempat), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 105-108.

³⁴ Kim Keum Hyun (1995), "Konsep Jadi Orang Dalam Masyarakat Melayu : Satu Kajian Kes di Negeri Terengganu", (Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h. 5.

³⁵ Menurut Muhammad Hj Salleh, dalam persepsi moden terhadap genre, "*Sejarah Melayu*" lebih rapat dengan pengertian sejarah dari kesusasteraan. Lihat Muhammad Hj Salleh (1991), *Yang Empunya Cerita : The Mind of the Malay Author*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 20.

VIII. STRUKTUR KAJIAN

Dalam menyusun-atu kajian ini, pengkaji membahagikan ia kepada empat bahagian utama, iaitu;

Bahagian Pendahuluan

Kerangka kajian (*Research framework*). Bahagian ini adalah pendahuluan yang akan membincangkan asas kepada kajian. Perbincangan termasuklah latar belakang masalah kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, metodologi kajian yang diaplikasi, dan sebagainya. Pendek kata, ia merupakan kerangka metodologi kajian.

Bahagian Deskriptif

Teori-Pensejarahan (*Historical-Theoretical*). Dalam bahagian ini, pengkaji menyusun-aturkannya dalam bab pertama dan bab kedua, iaitu bahagian landasan teori kajian. Dalam bab pertama, pengkaji menjelaskan konseptual kebudayaan dengan membawa pandangan-pandangan sarjana silam mahupun kontemporari untuk menghurai kekusutan dalam pentakrifan kebudayaan yang bervariasi dengan penumpuan terhadap perbandingan di antara pandangan sarjana Barat dan Islam. Selain itu, pengkaji juga menganalisis hubungan di antara budaya dengan 'urf dan adat sebagai asas penetapan hukum Islam. Manakala di dalam bab kedua, pengkaji menelusuri latar belakang perkembangan budaya Melayu yang merupakan paksi budaya bangsa Malaysia dari aspek historiografinya. Ini meliputi empat tahap. Tahap pertama kebudayaan asli manakala yang seterusnya period pengaruh budaya luar. Ia dimulai dengan Hindu-Buddha, Islam dan

pencerobohan imperialis Barat. Akhirnya membawa kesan pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. Pengkaji juga melihat prinsip dan realiti hubungan sosial dalam budaya Malaysia.

Bahagian Eksploratif

Bahagian ini adalah bab keempat dan berbentuk operasional kajian. Ia merupakan intipati perbincangan. Dalam kajian hukum ini, pengkaji menggunakan pendekatan *sosiologi hukum*. Ia penting untuk mendapatkan nilai-nilai dan fakta-fakta yang berkembang dalam masyarakat Malaysia yang boleh dijadikan asas penetapan hukum. Tiga aspek hubungan sosial telah dipilih iaitu perspektif politik (kepimpinan wanita), perspektif kehartaan (amalan Harta Sepencarian) dan perspektif keagamaan (sambutan rumah terbuka).

Bahagian Rumusan dan Penutup

Di dalam bahagian terakhir, pengkaji membuat suatu rumusan secara keseluruhan meliputi kesemua topik yang dibincangkan. Pengkaji akan dapat menilai sama ada andaian awalan pengkaji seperti yang tersingkap di bahagian hipotesis kajian menepati atau bercanggah setelah pengkajian yang sebenarnya dijalankan. Begitu juga dengan pencapaian objektif yang telah ditetapkan serta rumusan masalah kajian.